

Jawab semua soalan.

1. (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ  
الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا  
تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah ali-Imran: 137-139)

Ayat di atas menerangkan sunnatullah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dengan kekuasaan-Nya.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud sunnatullah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan sebab kejayaan umat berikut:  
a) Kaum Nabi Yusuf a.s  
b) Tolut dan tenteranya [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kesan memahami sunnatullah dalam kehidupan. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ،  
الإمام رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ  
زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ. - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ  
قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.  
(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan setiap individu mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab individu selain sebagai seorang anak. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab sebagai seorang anak. [2 markah]

**TIGA ANAK 'SUPER' DERHAKA**  
 Seorang bapa ditangkap ■ Seorang ayah, ibu ditumbuk hingga lebam

**Seorang bapa ditangkap**  
 Seorang bapa ditangkap kerana menganiaya tiga anaknya. Bapa itu, 45 tahun, ditangkap oleh pihak berkuasa kerana menganiaya tiga anaknya. Bapa itu, 45 tahun, ditangkap oleh pihak berkuasa kerana menganiaya tiga anaknya.

**Seorang ayah, ibu ditumbuk hingga lebam**  
 Seorang ayah, ibu ditumbuk hingga lebam oleh anaknya. Bapa itu, 45 tahun, ditangkap oleh pihak berkuasa kerana menganiaya tiga anaknya.

Sumber: Harian Metro 2018

(iii) Berdasarkan keratan akhbar di atas, huraikan pandangan anda mengapakah seorang anak sanggup bertindak sedemikian terhadap ibu bapa? [4 markah]

(c) Nyatakan dua jenis wakaf dalam ilmu tajwid. [2 markah]

2. (a)

فَاِذَا نَدَّهَبْتَ بِكَ فَاِنَّا مِنْهُمْ مُنْتَقِمُونَ ﴿٤١﴾

(Surah al-Zukhruf: 41)

- (i) Nyatakan maksud bagi nama Allah SWT yang terdapat dalam ayat di atas. [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua kefahaman mengenai nama Allah SWT tersebut. [4 markah]



Bencana Tsunami



Bencana Gempa Bumi

(iii) Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah anda menanamkan perasaan takut dalam diri agar menjadi muslim yang beriman. [4 markah]

- (b) Syiah ialah ajaran sesat yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah
  - (i) Jelaskan sejarah kemunculan aliran Syiah. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan dua prinsip utama aliran Syiah. [4 markah]
  - (iii) Terangkan dua usaha anda untuk memelihara diri daripada fahaman yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

3 (a) Pensyariatan mualamat dalam Islam dapat menzahirkan pengiktirafan pemilikan harta melalui akad yang sah.

(i) Nyatakan maksud muamalat Islam. [2 markah]

(ii) Jelaskan perbandingan antara muamalat Islam dengan konvensional. [2 markah]

Perniagaan dalam talian merupakan salah satu medium alternatif jual beli terkini yang banyak diaplikasikan oleh para peniaga sesuai dengan ledakan teknologi.

(iii) Cadangkan panduan bermuamalat melalui kaedah di atas agar menjadi satu urusan niaga yang diberkati oleh Allah SWT. [4 markah]

(b) (i) Apakah maksud solat sunat gerhana? [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** amalan yang dianjurkan oleh Islam ketika gerhana selain melakukan solat sunat. [2 markah]

(c) (i) Nyatakan maksud wasiat. [2 markah]

(ii) Senaraikan **dua** rukun wasiat. [2 markah]

Berwasiat dapat memanfaatkan harta si mati.

(iii) Kemukakan hujah anda untuk membuktikan kebenaran pernyataan di atas. [4 markah]

4. (a) (i) Jelaskan asal penubuhan kerajaan Umayyah. [2 markah]

(ii) Senaraikan **empat** khalifah terkenal zaman kerajaan Umayyah. [4 markah]

Hubungan erat antara pemimpin dan rakyat mewujudkan suasana perpaduan dan harmoni dalam masyarakat.

(iii) Cadangkan aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh masyarakat untuk menzahirkan pernyataan di atas. [4 markah]

(b)



Tokoh Undang-undang Negara

- (i) Siapakah nama penuh tokoh di atas? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** ketinggian akhlak tokoh tersebut. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** iktibar daripada keunggulan tokoh Islam. [4 markah]

5 (a) Istiqamah menzahirkan individu yang berakhlak mulia.

- (i) Apakah maksud istiqamah? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara memiliki sifat istiqamah. [4 markah]

Peribahasa Melayu:

Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.

- (iii) Sebagai seorang murid, kaitkan peribahasa di atas dengan usaha anda secara istiqamah untuk mencapai kejayaan. [4 markah]

- (b) (i) Wasatiah sangat penting dalam menjamin keharmonian hidup dalam bermasyarakat. Apakah maksud wasatiah? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** ciri umat cemerlang. [4 markah]

**Bahaya ideologi radikal,**

PERPECAHAN

PERMUSUHAN

KEMUSNAHAN

ROSAK AKIDAH

Sumber ubah suai: Berita Harian Online, 13 Ogos, 2018

- (iii) Huraikan peranan wasatiah bagi mengelak berlakunya bahaya seperti di atas. [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**